

## ETIKA PEMAKAIAN & DISIPLIN PELAJAR

### 1. ETIKA PAKAIAN PELAJAR

#### 1.1 TAFSIRAN

- a. 'Pakaian Rasmi' – pakaian yang dipakai semasa menghadiri kelas pembelajaran formal dan majlis-majlis rasmi sama ada di dalam atau di luar maktab.
- b. 'Pakaian Pilihan' - pakaian yang boleh dipakai semasa menghadiri kelas pembelajaran formal, aktiviti dalaman maktab dan semasa keluar ke bandar atau pulang ke rumah.
- c. 'Pakaian Sukan dan Permainan' – pakaian yang dipakai semasa menyertai acara-acara sukan, permainan dan riadah.
- d. 'Pakaian Aktiviti kokurikulum' – pakaian yang dipakai semasa mengikuti aktiviti pasukan pakaian seragam, kelab atau persatuan.
- e. 'Pakaian Pendidikan Jasmani' – pakaian yang dipakai semasa mengikuti kelas Pendidikan Jasmani dan Kesihatan di luar bilik darjah.
- f. 'Pakaian Waktu *Prep*' - pakaian yang dipakai semasa kelas persediaan (*preparatory class*) petang atau malam yang diwajibkan pada hari persekolahan.
- g. 'Pakaian Outing' – pakaian yang dipakai semasa pelajar keluar dari kawasan maktab sama ada ke keluar bandar (outing) atau pulang ke rumah(pulang bermalam atau cuti sekolah).
- h. 'Tutup Kepala' – pakaian yang menutupi kepala seperti songkok, tudung dan sebagainya.
- i. 'Pakaian Solat Jumaat' – pakaian yang dipakai semasa pelajar lelaki pergi ke masjid untuk menunaikan Solat Jumaat.

#### 1.2 PAKAIAN SERAGAM PELAJAR MRSM

Jenis-jenis pakaian dan masa pemakaian adalah seperti berikut :

Jenis Pakaian	Kod Pakaian	
	Lelaki	Perempuan
Pakaian Rasmi	Baju kemeja lengan panjang warna <i>peach</i> muda, tali leher maktab, seluar panjang warna coklat, kasut kulit/PVC warna hitam, stoking pendek warna hitam dan tanda nama.	Baju kurung warna <i>peach</i> muda, kain kurung warna coklat kasut kulit/PVC warna hitam dan tanda nama.
Pakaian pilihan	Baju kemeja lengan panjang warna biru muda, tali leher maktab, seluar panjang warna biru tua, kasut kulit/PVC warna hitam dan stoking pendek warna hitam.	Baju kurung warna biru muda, kain kurung warna biru tua, kasut kulit/PVC warna hitam dan stoking pendek warna hitam.

Jenis Pakaian	Kod Pakaian	
	Lelaki	Perempuan
Pakaian Sukan dan Permainan	<i>Track bottom</i> warna gelap, baju T rumah sukan atau baju T tanpa cetak berlengan panjang. Kasut sukan dan stoking.	<i>Track bottom</i> warna gelap, baju T rumah sukan atau baju T tanpa cetak berlengan panjang. Kasut sukan dan stoking.
Pakaian Aktiviti Kokurikulum	Mengikuti pakaian seragam yang ditetapkan atau kemeja T berkolar tanpa cetak, berseluar panjang, kasut sukan dan stoking.	Mengikuti pakaian seragam yang ditetapkan atau baju kurung dan kain warna bebas atau baju T berkolar, lengan panjang tanpa cetak, <i>track bottom</i> warna gelap, kasut sukan stoking.
Pakaian Pendidikan Jasmani	Baju T berkolar warna merah/kelabu berlengan panjang, warna hitam / biru gelap, kasut kanvas warna putih dan stoking putih.	Baju T berkolar warna merah/kelabu berlengan panjang, <i>track bottom</i> warna hitam / biru gelap, kasut kanvas warna putih.
Pakaian Waktu Kelas Persediaan ( <i>Prep</i> )(Petang)	Pakaian rasmi atau pakaian pilihan maktab atau baju T atau baju kemeja dengan seluar panjang <i>slacks</i> kasut dan stoking atau sandal.	Pakaian rasmi atau pakaian pilihan maktab atau baju kurung warna bebas, kasut dan stoking.
Pakaian Waktu Prep ( Malam)	Baju Melayu sebarang warna atau baju kemeja, seluar <i>slacks</i> kasut dan stoking atau sandal.	Baju kurung warna bebas, kasut dan stoking atau sandal.
Pakaian Outing	Batik rasmi maktab, seluar panjang warna coklat atau biru tua, kasut kulit atau PVC warna hitam, stoking hitam dan tanda nama.	Batik rasmi maktab serta kasut kulit atau PVC warna hitam, stoking hitam dan tanda nama.
Tutup Kepala	Songkok baldi berwarna hitam.	Tudung berwarna putih, berbentuk segi tiga di hadapan dan belakang serta dijahit di depan (bercantum).
Pakaian Solat Jumaat	Baju Melayu warna putih, sampin rasmi dan songkok baldi warna hitam. Kasut hitam dan stoking.	

## 2. PAKAIAN LARANGAN

Pada bila-bila masa dan di mana-mana juga di dalam kawasan maktab, pelajar dilarang memakai / memiliki / menyimpan pakaian seperti berikut :-

- Semua jenis pakaian yang ditafsirkan sebagai mencolok mata atau pakaian yang mendedahkan aurat mengikut tafsiran Islam atau pakaian ketat yang memperlihatkan raut anggota atau tubuh badan pemakainya atau pakaian yang ditafsirkan sebagai seksi atau bertentangan dengan nilai-nilai budaya dan moral masyarakat kecuali di tempat-tempat tertutup kepada jantina yang berlainan atau dengan kebenaran khas atas sebab-sebab keselamatan.
- Baju atau pakaian yang mempunyai : -
  - (i) gambar orang seperti penyanyi, penghibur, pemimpin, ahli sukan dan sebagainya.
  - (ii) gambar-gambar lucah.
  - (iii) gambar-gambar yang bertentangan dengan nilai-nilai murni budaya Malaysia.
  - (iv) gambar-gambar yang bertentangan dengan kepentingan maktab atau negara.
- Baju atau pakaian yang bertulis dengan tulisan atau lakaran yang lucah, ganas atau bertentangan dengan nilai-nilai murni budaya Malaysia dan kepentingan maktab dan negara.
- Semua jenis jeans, *cotton slack*, jaket dan jubah kecuali pakaian kot makmal ketika melakukan kerja berkaitan atau jubah untuk mengerjakan "solat" di surau atau di tempat-tempat berkenaan.
- Tali pinggang berwarna-warni, *rugged*, berkepala besar dengan tulisan atau lakaran reka bentuk binatang, lucah, ganas dan sebagainya.
- Berpakaian separuh bogel (tidak memakai baju, berkemban, memakai tuala mandi sahaja, berkaki ayam (tidak memakai alas kaki/kasut) ditegah kecuali dalam bilik mandi / asrama atau di tempat-tempat yang dilarang memakai kasut.
- Mengenakan sebarang jenis pakaian dianggap tidak sesuai / tidak wajar dipakai oleh pelajar sekolah.
- Mengenakan atau memakai baju "T" yang tidak berkolar.
- Mengenakan pakaian yang kotor, koyak (sengaja/tidak) atau compang-camping.

## 3. KAD MATRIK PELAJAR ATAU TANDA NAMA

Semua pelajar dikehendaki memakai kad matrik pada dada baju sebelah kiri pada waktu kelas, lawatan rasmi dan acara rasmi maktab.

## 4. KELUAR KE BANDAR Hujung MINGGU / CUTI AM / BERSAMA KELUARGA / MASA LAWATAN

4.1 Para pelajar dibenarkan keluar ke bandar mengikut jadual berikut :-

Sabtu : 10.30 pagi hingga 6.00 petang (bersama waris sahaja)

Ahad : 10.30 pagi hingga 6.00 petang

Cuti Am : Tidak dibenarkan kecuali dengan kebenaran bertulis daripada Pengetua atau Timbalan-timbalan pengetua.

\*Nota : -

1. *Pelajar lelaki & perempuan akan keluar bergilir-gilir mengikut minggu yang telah ditetapkan.*
2. *Pelajar yang ingin keluar selain dari waktu yang ditetapkan hendaklah bersama ibu bapa atau guru (dimaklumkan kepada KGA) dan mesti mendapat kebenaran pengetua/Timb. Pengetua terlebih dahulu.*

- 4.2
- a) Untuk keluar ke bandar pada hujung minggu, kad keluar maktab pelajar perlu diisi dengan lengkap dan ditandatangani oleh guru asrama bertugas. Kad tersebut hendaklah diserahkan kepada pengawal di pondok pengawal. Pelajar perlu mengambil semula kad berkenaan apabila pulang ke maktab.
  - b) Para pelajar pula perlu mematuhi giliran keluar ke bandar seperti yang telah ditetapkan. Sekiranya pelajar perlu keluar pada hari bukan gilirannya keluar, kebenaran khas perlu diperoleh terlebih dahulu daripada Pengetua atau Timbalan Pengetua. Untuk ini pelajar perlu menulis surat memohon kebenaran keluar ke bandar.
  - c) Untuk keluar pada hari Sabtu (bersama waris), kebenaran perlu diperoleh dari guru asrama bertugas / ketua guru asrama. Pelajar hanya dibenarkan keluar selepas 10.30 pagi.
  - d) Para pelajar dikehendaki berpakaian seragam / batik maktab apabila keluar dari kawasan maktab, sama ada keluar bersendirian atau pun dengan keluarga.
  - e) Untuk keluar ke bandar pada hujung minggu, para pelajar dikehendaki keluar dalam kumpulan secara berdua atau lebih daripada jantina yang sama.
  - f) Semasa di bandar, pelajar-pelajar tidak boleh mengunjungi tempat-tempat seperti berikut :-
    - Pusat-pusat permainan hiburan yang memiliki alat-alat permainan '*billiard*', mesin '*pin-ball*', permainan video dan sebagainya.
    - Kelab malam, bar, disko dan sebagainya.
    - Apa-apa sahaja tempat yang mencurigakan.

#### 4.3 Keluar Ke Bandar Pada Hari Persekolahan.

- a) Untuk keluar ke bandar pada hari persekolahan, kebenaran khas perlu diperoleh daripada Pengetua atau Timbalan Pengetua semasa waktu kelas akademik.
- b) Di luar waktu kelas akademik, selain daripada Pengetua dan Timbalan Pengetua kebenaran boleh juga diperolehi daripada ketua guru asrama.
- c) Di dalam kedua-dua perkara di atas, pelajar hendaklah berurusan dengan ketua guru asrama atau guru asrama bertugas untuk pengesahan di dalam kad keluar maktab dan kad berkenaan diserahkan di pondok pengawal. Kad tersebut perlu diambil semula apabila pelajar pulang ke maktab.

#### 4.4 Pulang Bermalam Hujung Minggu

- a) Pelajar-pelajar dibenarkan pulang bermalam seperti tarikh yang ditetapkan.
- b) Untuk pulang bermalam pada hujung minggu yang dibenarkan, permohonan balik daripada ibu bapa/penjaga mesti diterima oleh pihak maktab selewat-lewatnya seminggu sebelum pelajar dibenarkan balik. Untuk tujuan ini ibu bapa/penjaga perlu membuat satu salinan borang permohonan balik bermalam yang dilampirkan dan dihantar ke maktab untuk mendapat kelulusan.
- c) Kelulusan ini hanya boleh diperoleh daripada Pengetua atau Timbalan Pengetua. Dalam kes-kes kecemasan yang memerlukan pelajar balik bermalam selepas waktu pejabat (5.00 petang) atau pada hari-hari cuti am, selain daripada Pengetua atau Timbalan Pengetua, kebenaran pulang bermalam ini boleh juga diperoleh daripada ketua guru asrama. Walau bagaimanapun keputusan Pengetua adalah muktamad.

#### 4.5 Masa Lawatan Ibu Bapa Pelajar : -

Sabtu, Ahad & Cuti Am : 10.30 pagi hingga 6.00 petang

##### Nota :

- Ibu bapa/pelawat tidak dibenarkan masuk ke kawasan asrama putera dan puteri bagi menjaga keselamatan dan keselesaan pelajar.
- Ibu bapa/pelawat hanya dibenarkan menunggu/berjumpa anak-anak/pelajar di pondok / di Wisma Pelajar atau di tempat yang dihaskan.

#### 5. PERATURAN KELAS PERSEDIAAN (*PREPARATION HOURS, PREP*)

- a) Pelajar **MESTI HADIR** dan berada dalam kelas persediaan yang telah ditetapkan.
- b) Pelajar tidak dibenarkan membawa *walkman*, radio, majalah atau bahan-bahan bukan akademik.
- c) Pelajar tidak dibenarkan berada di kawasan asrama pada waktu kelas persediaan.
- d) Aktiviti-aktiviti seperti jamuan, mesyuarat dan sebarang jenis perjumpaan tidak dibenarkan pada waktu kelas persediaan kecuali dengan kebenaran Pengetua, Timbalan Pengetua atau Ketua Guru Asrama dan hendaklah dimaklumkan kepada guru asrama bertugas harian.
- e) Pakaian masa kelas persediaan tertakluk kepada kod pakaian.
- f) Pelajar yang sakit hendaklah berada di Bilik Sakit (*sick bay*).

#### 6. PERATURAN PENGGUNAAN TV

Pelajar dibenarkan menonton TV di antara masa-masa berikut : -

Sabtu	:	10.30 pagi hingga 5.00 petang
	:	9.00 malam hingga 10.30 malam
Ahad / Cuti Am	:	10.30 pagi hingga 4.00 petang

Nota : *Pelajar yang ingin menonton TV selain dari waktu yang ditetapkan hendaklah mendapat kebenaran KGA terlebih dahulu. Walau bagaimanapun keputusan Pengetua adalah muktamad.*

#### 7. PERATURAN KESELAMATAN ASRAMA

##### 7.1 Penggunaan Peralatan Elektrik

- a) Hanya cerek elektrik automatik sahaja dibenarkan.
- b) Seterika elektrik hanya boleh digunakan di bilik yang dihaskan sahaja.
- c) Sambungan secara haram ke sebarang alat elektrik tidak dibenarkan.
- d) Pastikan plug ditanggalkan dari soket setelah digunakan.
- e) Jangan gunakan sebarang peralatan elektrik semasa kilat.
- f) Pastikan semua suis dimatikan/ditutup selepas anda menggunakan elektrik atau sebelum meninggalkan asrama.
- g) Sebarang kerosakan berkaitan elektrik hendaklah dilaporkan segera kepada guru asrama anda. Jangan cuba baiki sendiri.
- h) Jangan sentuh sebarang alat elektrik yang sedang digunakan jika tangan anda basah.
- i) Jangan menggunakan alat elektrik yang telah rosak.
- j) Setiap peralatan elektrik yang hendak digunakan di asrama hendaklah didaftarkan terlebih dahulu di pejabat guru asrama. Peralatan yang tidak didaftarkan akan dirampas.
- k) Peralatan elektrik yang didaftarkan hendaklah dihantar kepada Guru Asrama untuk pemeriksaan pada setiap hujung semester.

- 7.2 Peralatan Keselamatan Diri / Harta Benda Semasa Kebakaran
- Bila anda mendengar isyarat berlaku kebakaran/terhidu bau asap, perkara pertama yang mesti dilakukan ialah menyelamatkan nyawa anda dan rakan anda.
  - Segera beri amaran kepada rakan seasrama. Menjerit dengan sekuat mungkin perkataan "Api!...Api!...Api.."
  - Sila hubungi bomba yang berhampiran.
  - Selamatkan barang-barang berharga kepunyaan anda seperti kad pengenalan, sijil-sijil penting, buku pelajaran dan wang jika anda berupaya membawanya dengan mudah. Jika kebakaran sudah marak lupakan barang-barang tadi dan anda perlu menyelamatkan nyawa anda dahulu.
  - Jika anda mengetahui ada rakan anda tidak berupaya bergerak keluar dari asrama disebabkan pengsan, cedera dan sebagainya, bantulah beramai-ramai dengan membawanya keluar.
  - Keluarlah dari asrama secepat mungkin melalui pintu yang berhampiran dengan anda. (seperti dalam pelan setiap asrama).
  - Bergeraklah dengan pantas tetapi teratur meninggalkan asrama menuju ke tempat yang ditetapkan. Berkumpulah di tempat tersebut.

### 7.3 Keselamatan Wang Di Asrama

#### 7.3.1 Wang Tunai

- Pelajar hanya dibenarkan menyimpan wang tunai di tangan tidak lebih daripada RM15.00.
- Wang tunai yang berlebihan mestilah disimpan di bank atau pada guru penasihat homeroom/guru asrama.
- Pelajar hendaklah menyimpan wang / kad ATM / Buku Akaun Simpanan di tempat yang selamat.

#### 7.3.2 Keselamatan Umum

- Penggunaan ubat nyamuk lingkaran, pelita dan lilin TIDAK dibenarkan.
- Setiap penghuni asrama seharusnya tahu menggunakan alat pemadam api semasa berlaku kebakaran.
- Jika berlaku kecemasan sila hubungi Guru Asrama / Ketua Guru Asrama / Pengawal dengan segera.
- Kemudahan *first-aid* boleh didapati daripada Guru Asrama / Bilik Sakit / Pejabat Guru Asrama / Pondok Pengawal.

## 8. PERATURAN BILIK SAKIT

- Pelajar yang sakit dan telah mendapat rawatan hendaklah melaporkan diri kepada guru asrama bertugas dengan menunjukkan surat kenyataan sakit. Sekiranya pelajar itu tidak berdaya, beliau perlu mendapatkan bantuan daripada kawan-kawan untuk melaporkan kepada pegawai berkenaan.
- Pelajar yang sakit tidak dibenarkan berada di asrama pada waktu-waktu persekolahan.
- Pelajar yang hendak keluar dari bilik ini wajib memberitahu Guru Asrama bertugas.
- Kebersihan dan kekemasan bilik ini hendaklah sentiasa dijaga.
- Jangka masa tinggal di Bilik Sakit tertakluk kepada keperluan dan jenis penyakit.
- Penyakit Berjangkit
  - Pelajar berkenaan dibenarkan pulang ke rumah setelah mendapat pengesahan doktor dan kebenaran pengetua / penolong pengetua / ketua guru asrama.
  - Pelajar berkenaan dibenarkan tinggal di bilik sakit sehingga dia disahkan sembuh.

## 9. PERATURAN ASRAMA

### 9.1 Bilik Tidur / Kebersihan Bilik Di Asrama

- Bilik mestilah kemas dan sentiasa bersih.
- Kad Asrama (*locker tag*) mestilah dilekatkan di bahagian luar almari.
- Barang-barang di kaunter mestilah disusun dengan kemas.
- Sampah hendaklah dimasukkan ke dalam bakul sampah.
- Cadar dan sarung bantal hendaklah sentiasa dipasang.
- Selimut hendaklah dilipat dan diletakkan dihujung katil.
- Pakaian yang kering hendaklah dilipat dengan kemas dan disimpan di dalam almari.
- Pakaian yang basah hendaklah disidai di ampaian yang disediakan di luar asrama.
- Paip-paip air hendaklah sentiasa ditutup selepas digunakan.
- Dilarang meletakkan buku di tingkap-tingkap asrama pada sebarang waktu.
- Kasut hendaklah disimpan di tempat-tempat yang dibenarkan.
- Selipar Jepun hanya dibenarkan dipakai di bilik air di asrama sahaja.
- Pakaian yang disidai di ampaian mestilah diangkat setelah kering.
- Pakaian yang jatuh hendaklah diambil segera. Jika tidak, pakaian akan diambil oleh pihak maktab.
- Makanan yang berbau tidak dibenarkan disimpan di dalam bilik.
- Syarat pakaian di asrama merujuk kepada kod pakaian.
- Sebarang kerosakan peralatan bilik asrama adalah tanggungjawab penghuni bilik.
- Pemeriksaan asrama akan dijalankan pada setiap hari pada pukul 6.00 pagi.

### 9.2 Peraturan Lampu Padam

- Lampu mesti dipadamkan pada pukul 11.00 malam.
- Pelajar tidak boleh berjalan-jalan, berbual-bual / keluar asrama selepas lampu padam.

### 9.3 Peraturan Penggunaan Surau

- Semua pelajar Islam wajib sembahyang fardu berjemaah di surau.
- Semua pelajar diwajibkan menghadiri ceramah agama yang dirancang oleh pihak maktab.
- Pelajar bukan Islam mestilah menghormati waktu pelajar Islam sedang bersembahyang / beribadat / menjalankan aktiviti agama.
- Semua aktiviti agama maktab hendaklah mendapat kelulusan daripada pengetua.

### 9.4 Peraturan Dewan Selera

- Beratur semasa mengambil makanan, dilarang memotong barisan.
- Sentiasa menjaga kebersihan dewan selera. Sisa-sisa makanan hendaklah dibuang di tempat yang disediakan.
- Sistem *booking* tidak dibenarkan.
- Bangku, meja dan alatan hendaklah disusun selepas digunakan.
- Pakaian di Dewan Selera mengikut seperti yang ditetapkan dalam Kod pakaian.
- Pelajar-pelajar dilarang membawa barang-barang, alat-alat dewan dan makanan keluar daripada dewan selera.
- Pelajar TIDAK dibenarkan masuk ke dapur / kawasan larangan.
- Buku-buku dan alat-alat hendaklah diletakkan di tempat yang disediakan.
- Sentiasa mematuhi peraturan makan di Dewan Selera yang dikeluarkan oleh maktab dari semasa ke semasa.

## 10. JADUAL PELAJAR DI ASRAMA

### 10.1 Hari Persekolahan (Isnin hingga Khamis)

MASA	AKTIVITI
5.00 pg - 6.30 pg	Bangun pagi / Persiapan Diri / Nida' Li-ljtima' / Solat Tahjud dan Taubat / Solat Subuh berjemaah / Bacaan Mathurat.
6.30 pg - 7.00 pg	Sarapan Pagi.
7.00 pg	Pelajar dikehendaki meninggalkan Asrama. Pemeriksaan bilik oleh Guru Asrama dan Ketua Blok.
7.05 pg - 7.40 pg	Pelajar berkumpul untuk <i>Morning Roll-Call</i> .
7.40 pg - 2.10 ptg	Sesi Akademik.
2.10 ptg - 3.15 ptg	Makan Tengah hari / Solat Zohor berjemaah / Rehat.
3.15 ptg - 4.30 ptg	Kelas Persediaan Petang / Perjumpaan Homeroom / Perhimpunan.
4.30 ptg - 5.15 ptg	Solat Asar / Minum petang
5.15 ptg - 6.15 ptg	Sukan / Riadah.
6.15 ptg - 7.00 mlm	Makan Malam.
7.00 mlm - 9.00 mlm	Solat Maghrib / Kuliah / Solat Isyak Berjemaah / Bacaan Yassin.
9.00 mlm - 10.30 mlm	Kelas Persediaan Malam.
10.30 mlm - 11.00 mlm	Minum Malam.
11.00 mlm - 5.00 pg	Lampu Padam / Tidur

### 10.2 Hari Persekolahan (Jumaat)

MASA	AKTIVITI
5.00 pg - 6.30 pg	Bangun pagi / Persiapan Diri / Nida' Li-ljtima' / Solat Tahjud dan Taubat / Solat Subuh berjemaah / Bacaan Mathurat.
6.30 pg - 7.00 pg	Sarapan Pagi.
7.00 pg	Pelajar dikehendaki meninggalkan Asrama. Pemeriksaan bilik oleh Guru Asrama dan Ketua Blok.
7.05 pg - 7.40 pg	Pelajar berkumpul untuk <i>Morning Roll-Call</i> .
7.40 pg - 12.15 tgh	Sesi Akademik.
12.15 tgh - 3.15 ptg	Makan Tengah hari / Solat Jumaat & Zohor / Kuliah Fardhu Ain (Puteri) / Rehat.
3.15 ptg - 4.30 ptg	Kelas Persediaan Petang.
4.30 ptg - 5.15 ptg	Solat Asar / Minum petang
5.15 ptg - 6.15 ptg	Sukan / Riadah.
6.15 ptg - 7.00 mlm	Makan Malam.
7.00 mlm - 9.00 mlm	Solat Maghrib / Kuliah / Solat Isyak Berjemaah / Bacaan Yassin.
9.00 mlm - 10.30 mlm	Aktiviti bersama Badan Kepemimpinan.
10.30 mlm - 11.00 mlm	Minum Malam.
11.00 mlm - 5.00 pg	Lampu Padam / Tidur

### 10.3 Hari Cuti (Sabtu)

MASA	AKTIVITI
5.00 pg - 6.30 pg	Bangun pagi / Persiapan Diri / Nida' Li-ljtima' / Solat Tahjud dan Taubat / Solat Subuh berjemaah / Bacaan Mathurat.
6.30 pg - 7.00 pg	Sarapan Pagi.
07.40 pg - 10.00 pg	Kelas persediaan pagi.
10.00 pg - 10.30 pg	Kudapan.
10.30 pg - 6.00 ptg	Persiapan sendiri / Aktiviti Pelajar / Keluar ke bandar bersama waris.
12.00 tgh - 2.30 ptg	Solat Zuhur & Makan.
4.30 ptg - 5.15 ptg	Solat Asar Berjemaah dan Minum Petang.
5.15 ptg - 6.15 ptg	Sukan dan Riadah.
6.15 ptg - 7.00 mlm	Makan Malam.
7.00 mlm - 9.00 mlm	Solat Maghrib & Isyak berjemaah / Program Kerohanian.
9.00 mlm - 10.30 mlm	Aktiviti Pelajar / Bersama Badan Kepemimpinan Pelajar.
10.30 mlm - 11.00 mlm	Minum Malam.
11.30 mlm - 5.00 pg	Lampu Padam.

### 10.2 Hari Cuti (Ahad)

MASA	AKTIVITI
5.00 pg - 6.30 pg	Bangun pagi / Persiapan Diri / Nida' Li-ljtima' / Solat Tahjud dan Taubat / Solat Subuh berjemaah / Bacaan Mathurat.
6.30 pg - 7.00 pg	Sarapan Pagi.
7.00 pg - 8.30 pg	Kawad kaki / Riadah.
8.30 pg - 10.00 pg	Gotong-royong di asrama / Pemeriksaan asrama.
10.00 pg - 10.30 pg	Kudapan.
10.30 pg - 6.00 ptg	Persiapan sendiri / Aktiviti Pelajar / Keluar ke bandar mengikut giliran.
12.00 tgh - 2.30 ptg	Solat Zuhur & Makan.
4.30 ptg - 5.15 ptg	Solat Asar Berjemaah dan Minum Petang.
5.15 ptg - 6.15 ptg	Sukan dan Riadah.
6.15 ptg - 7.00 mlm	Makan Malam.
7.00 mlm - 9.00 mlm	Solat Maghrib & Isyak berjemaah / Program Kerohanian.
9.00 mlm - 10.30 mlm	Kelas persediaan malam.
10.30 mlm - 11.00 mlm	Minum Malam.
11.30 mlm - 5.00 pg	Lampu Padam.

## 11. PERATURAN DISIPLIN - KATEGORI DAN HUKUMAN

Pada bila-bila masa, pelajar dilarang atau ditegah daripada melakukan atau terlibat atau membiarkan dirinya terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam apa-apa jua perbuatan atau aktiviti yang boleh ditafsirkan dan dibuktikan sebagai kesalahan disiplin atau melanggar Tatatertib dan Peraturan Disiplin seperti yang telah ditetapkan atau diwartakan oleh pihak maktab.

BIL	SEKSYEN A: TINGKAH LAKU PELANGGARAN PROSEDUR	KATEGORI
1	Berkahwin	AMAT BERAT
2	Kegiatan Politik Anti-Kerajaan	AMAT BERAT
SEKSYEN B: TINGKAH LAKU KERUNTUHAN AKHLAK		
3	Murtad	AMAT BERAT
4	Melakukan Hubungan Seks	AMAT BERAT
5	Mengandung / Gugur Kandungan / Melahirkan Anak	AMAT BERAT
6	Kegiatan Pelacuran / Gejala Bohsia & Bohjan	AMAT BERAT
7	Menyerupai Jantina Lain	AMAT BERAT
8	Seks Luar Tabii	AMAT BERAT
9	Khalwat	AMAT BERAT
10	Bahan Lucah / Bahan Ganas / Bahan Tidak Bermoral	AMAT BERAT
11	Minuman Keras	AMAT BERAT
12	Judi / Loteri / Pertaruhan	AMAT BERAT
13	Mencederakan Diri Sendiri	BERAT
14	Mengunjungi Pusat Hiburan / Rumah Urut	BERAT
15	Meninggalkan Ibadat Asas Fardu Ain Bagi Pelajar Muslim	BERAT
SEKSYEN C: TINGKAH LAKU BERUNSUR JENAYAH		
16	Kematian	AMAT BERAT
17	Pukul / Dera / Seksa / Buli	AMAT BERAT
18	Kecederaan	AMAT BERAT
19	Dadah	AMAT BERAT
20	Rogol / Mencabul	AMAT BERAT
21	Gangguan Seksual	AMAT BERAT
22	Senjata Api / Bahan Peledak	AMAT BERAT
23	Cubaan Membunuh Diri	AMAT BERAT
24	Rompak / Samun	AMAT BERAT
25	Ancaman / Memeras Ugut	AMAT BERAT
26	Pertubuhan Haram / Kongsi Gelap / Kumpulan Aktiviti Keganasan / Ajaran Sesat	AMAT BERAT
27	Senjata / Mercun / Bahan Kimia	BERAT
28	Mencuri	BERAT
29	Ceroboh Asrama	BERAT

BIL	SEKSYEN D: TINGKAH LAKU CEMAR IMEJ	KATEGORI
30	Mencemar Imej Individu Lain / Imej Negara / Imej MRSM atau MARA	AMAT BERAT
SEKSYEN E: TINGKAH LAKU KENAKALAN HOOLIGANISM		
31	Bahan Khayal / Bahan Perangsang	AMAT BERAT
32	Hasutan / Provokasi	AMAT BERAT
33	Keluar Dari Kawasan Maktab Tanpa Kebenaran	BERAT
34	Bahan Tembakau / Shisha / Rokok Elektronik (Vape)	BERAT
35	Bergaduh	BERAT
36	Pecah Masuk / Ceroboh	BERAT
37	Memasuki Kawasan Larangan	SEDERHANA
38	Membawa Masuk Individu Tidak Berkenaan Tanpa Kebenaran	SEDERHANA
39	Penyalahgunaan Telefon Bimbit	SEDERHANA
40	Peralatan ICT / Gajet	SEDERHANA
41	Peralatan Elektrik / Elektronik	SEDERHANA
SEKSYEN F: TINGKAH LAKU KEKEMASAN DIRI		
42	Tatoo / Tindik	BERAT
43	Rambut	SEDERHANA
44	Rupa Diri	SEDERHANA
SEKSYEN G: TINGKAH LAKU KURANG SOPAN		
45	Makanan Tidak Halal	BERAT
46	Biadab / Penghinaan	SEDERHANA
47	Mengintai	SEDERHANA
48	Keingkaran	SEDERHANA
SEKSYEN H: TINGKAH LAKU MUSNAH		
49	Merosakkan Harta / Vandalisme (Nilai Kerosakan RM50.00 Ke Atas)	BERAT
50	Merosakkan Harta / Vandalisme (Nilai Kerosakan RM49.00 Ke Bawah)	SEDERHANA
SEKSYEN I: TINGKAH LAKU TIDAK JUJUR		
51	Pemalsuan / Tipu / Subahat	AMAT BERAT
52	Menipu / Tiru / Subahat	AMAT BERAT
SEKSYEN J: TINGKAH LAKU PONTENG		
53	Ponteng Hari Persekolahan	BERAT
54	Ponteng Kelas Atau Aktiviti Maktab	SEDERHANA
SEKSYEN K: KESALAHAN-KESALAHAN LAIN YANG DIWARTAKAN		
55	Pelanggaran Peraturan Am / Peraturan Tambahan / Peraturan Tatatertib/ Peraturan Yang Diwartakan	AMAT BERAT
SEKSYEN L: KESALAHAN-KESALAHAN LAIN YANG TIDAK TERMAKTUB		
56	Pelanggaran Peraturan Am / Peraturan Tambahan / Peraturan / Peraturan Yang Tidak Termaktub Dalam Seksyen	AMAT BERAT / BERAT / SEDERHANA
SEKSYEN M: TINGKAH LAKU BERULANG		
57	Kategori Amat Berat	AMAT BERAT
58	Kategori Berat	BERAT